

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH : 1 OGOS 2016

## Amaran jika gagal ikut standard

MBSA akan tamatkan kontrak kontraktor pembersihan yang tidak patuhi piawaian ditetapkan

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah memperkenalkan sistem demerit iaitu penilaian prestasi dan akan dilaksanakan berdasarkan skala Notis Tindakan Pembetulan (NTC) ke atas kontraktor yang dilantik, Julai ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad, berkata, ia bertujuan memastikan kontraktor dilantik memenuhi piawaian yang ditetapkan dan sistem kutipan sampah sisa pepejal berjalan lancar.

"MBSA telah mengadakan taklimat bersama kontraktor sesi 2016-2019 supaya mereka tahu prosedur dan tindakan yang boleh diambil jika mereka gagal menunjukkan prestasi memuaskan.

"Sekiranya kontraktor yang

dilantik ini gagal mematuhi piawaian dan standard yang ditetapkan, MBSA boleh menamatkan kontrak tersebut," katanya.

Katanya, setakat ini MBSA telah melantik 24 kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja perkhidmatan kutipan sampah sisa domestik bagi sesi 2016-2019.

"Ada kontraktor yang di-

lantik adalah kontraktor baru.

"Mereka memerlukan sedikit masa untuk menyesuaikan laluan kutipan serta mengenali pasti jalan-jalan di bawah zon masing-masing,"

katanya.

Menurutnya, MBSA turut mengucapkan terima kasih atas aduan yang dibuat penduduk terlibat.

"Mengenai aduan yang di-

buat penduduk, pihak MBSA mengucapkan terima kasih atas makluman tersebut. Pemantauan akan dilakukan oleh kakitangan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal

dan Pembersihan Awam MBSA.

"Kami akan cuba lakukan sehabis baik untuk kesejahteraan penduduk Shah Alam," katanya.



MBSA sentiasa mengutamakan kualiti perkhidmatan kontraktor sampah.